

HUBUNGAN KOSA KATA ARAB TERHADAP TAHAP HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR TAHFIZ

Wan Hayyi bin Wan Mahmud¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan meninjau hubungan persepsi pelajar Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) terhadap kepentingan kosa kata Arab terhadap tahap hafazan al-Quran pelajar. Kajian ini ialah kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi dua konstruk dengan skala Likert 1-5. Seramai 230 orang pelajar tingkatan empat dari seluruh negara telah dipilih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kepentingan kosa kata Arab. Sementara tahap hafazan pelajar juga berada pada tahap tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi terhadap kosa kata Arab berdasarkan jantina. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar dengan tahap pencapaian hafazan. Implikasi kajian merumuskan bahawa wujudnya kepentingan menguasai kosa kata Arab sebagai salah satu pendekatan dalam meningkatkan tahap hafazan yang perlu diberi perhatian.

Kata Kunci : *Kosa kata Arab, pencapaian hafazan, hafazan al-Quran, bahasa Arab, Kurikulum Bersepadu Tahfiz.*

¹ Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, SMKA Tok Bachok, Bachok, Kelantan.

PENDAHULUAN

Penguasaan kosa kata Arab merupakan salah satu perkara utama yang harus dikuasai murid dalam menghafaz al-Quran. Pemahaman terhadap ayat al-Quran yang dihafaz berkait rapat sejauh mana penguasaan terhadap kosa kata². Bahasa Arab merupakan bahasa yang wajib dipelajari setiap murid yang ingin menghafaz al-Quran kerana bahasa Arab ialah bahasa utama yang digunakan dalam memahami al-Quran³ dan ianya diturunkan dengan menggunakan bahasa tersebut⁴. Antara komponen bahasa Arab yang dititikberatkan dalam menguasai kefahaman ayat al-Quran termasuklah penguasaan kosa kata. Kosa kata boleh diertikan satu kalimah yang mengandungi makna dan bagaimana cara menggunakannya pada keadaan yang tepat dan sesuai⁵. Antara

² Baharun, H., Abd Rahman, S., Ahmad, H., Saad, N. S. M., & Jamal, I. H. (2020), *Quranic Understanding among Non-Native Speaker of Arabic*, Malaysia: Malaysian Experts' Perspectives. GEMA Online® Journal of Language Studies, hlm. 20(2).

³ Hussin, Z., Mustapha, N. F., Che, R. M., Hajimaming, P. T., & Abd Rahim, N. (2016). *Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran*, Kuala Lumpur: Gema Online Journal of Language Studies, 16(2).

⁴ Hussin, Z., Mustapha, N. F., Toklubok, P., Alias, M., & Ismail, M. Z. (2021). *The Importance of the Arabic Language Schemata towards Understanding of the Quran and Memorisation Achievement*, Kuala Lumpur: Malaysian Journal of Learning and Instruction, 18(1), hlm. 265-287.

⁵ Yasim, I. M. M., Lubis, M. A., Noor, Z. A. M., & Sjahrony, A. (2017). *Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid*. Kuala Lumpur: Asean Comparative Education Research Journal on Islam And Civilization (ACER-J). eISSN2600-769X, 1(1), hlm. 14-24.

salah satu faktor yang dikenal pasti mempunyai hubungan dengan pencapaian hafazan termasuklah kefahaman ayat al-Quran⁶. Oleh yang demikian, keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya pengetahuan kosa kata Arab dalam menguasai kefahaman dan meningkatkan daya ingatan hafazan. Penguasaan terhadap kosa kata juga membantu pelajar ketika proses memberhentikan ayat yang dibaca ataupun ketika ingin memulakan kembali bacaan al-Quran⁷.

Walaupun beberapa kajian sebelum ini menekankan kepentingan kosa kata dalam pembelajaran bahasa, namun kajian terkini berkenaan kepentingan kosa kata terhadap pencapaian hafazan masih lagi kurang diberi penekanan. Untuk memahami dan meningkatkan penguasaan al-Quran dengan baik, perlunya dikuasai kosa kata terlebih dahulu⁸. Oleh itu, kajian ini akan memberikan tumpuan kepada persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata Arab dalam

⁶ Hadiansah, S. (2019). *Hubungan Kemampuan Bahasa Arab Terhadap Prestasi Menghafal Al-Qur'an Santri Kelas 3 Madrasah Aliyah Tahfidzul Qur'an As Surkati Tahun Ajaran 2017/2018*, Jakarta: (Doctoral Dissertation, Iain Salatiga).

⁷ Hussin, Z., Mustapha, N. F., Toklubok, P., Alias, M., & Ismail, M. Z. (2021). *The Importance of the Arabic Language Schemata towards Understanding of the Quran and Memorisation Achievement*, Kuala Lumpur: Malaysian Journal of Learning and Instruction, 18(1), hlm. 265-287.

⁸ Dzulkifli, M. A., & Solihu, A. K. H. (2018), *Methods of Qur'anic Memorisation (Ḥifẓ): Implications for Learning Performance*, Jakarta: Intellectual Discourse, 26(2), hlm. 931-947.

proses hafazan al-Quran dan mengenal pasti apakah terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata al-Quran dan pencapaian hafazan pelajar.

PENYATAAN MASALAH

Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang tinggi disebabkan ianya merupakan bahasa al-Quran. Antara komponen utama mana-mana bahasa sekalipun ialah kosa kata kerana bahasa merupakan susunan daripada kosa kata. Hal ini tidak dapat dipisahkan dengan al-Quran yang mana terdiri daripada ayat yang mengandungi sejumlah kosa kata bagi menerangkan sesuatu perkara. Pelajar yang menghafaz al-Quran akan merasa mudah sekiranya mereka menguasai kosa katanya dengan baik. Jaafar et al. (2019)⁹ dalam kajiannya menjelaskan hafazan yang disertai dengan kefahaman lebih lama kekal dalam minda seseorang berbanding menghafaz tanpa kefahaman makna ayat. Kesedaran masyarakat Islam kepada pendidikan tahfiz menjadikan penubuhan institusi ini semakin giat dilaksanakan sama ada oleh pihak kerajaan, swasta mahupun persendirian. Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan satu kurikulum yang baru dalam sistem pendidikan negara yang menekankan aspek tahfiz al-Quran yang

⁹Jaafar, N., Dzahid, M. Z., Radzi, N. A. A., & Salwai, A.M. (2019), *Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka*, Kuala Lumpur: Jurnal Kesidang, 4(1), hlm.53-62.

dinamakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bermula pada tahun 2014 di sekolah-sekolah menengah terpilih.

Walaupun pelaksanaan KBT memasuki tahun ketujuh, masih banyak cabaran yang perlu diperbaiki dan diselesaikan dengan baik. Menurut Haron et al. (2019)¹⁰ terdapat sebilangan besar pelajar yang tidak berjaya menghabiskan sukatan hafazan atau khatam hafazan di tingkatan lima. Selain itu, penguasaan terhadap ayat yang telah dihafaz masih lemah dan mereka tidak mampu menulis kembali ayat yang telah dihafaz. Tambahan pula, aspek kefahaman terhadap ayat-ayat yang dihafaz tidak diambil berat oleh pelajar. Kefahaman ayat mempunyai kaitan rapat dengan penguasaan kosa kata. Pelajar seharusnya mengetahui betapa pentingnya menghayati dan memahami ayat berdasarkan kosa kata al-Quran. Matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat tidak diberi perhatian yang sewajarnya¹¹. Penekanan guru terhadap kepentingan kosa kata al-Quran kepada pelajar masih kurang memberangsangkan.

¹⁰ Haron, M.Z., Othman, M.K., & Awang, M.I., (2019). *Bahan Bantu Mengajar Berbantuan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Bukti Dari Model Malaysia TMUA*, Kuala Lumpur: Jurnal Antarabangsa Teknologi Inovatif Kejuruteraan Penerokaan 8 (12): 4401-4404

¹¹ Haron, M.Z., Othman, M.K., & Awang, M.I., (2019). *Bahan Bantu Mengajar Berbantuan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Bukti Dari Model Malaysia TMUA*, Kuala Lumpur: Jurnal Antarabangsa Teknologi Inovatif Kejuruteraan Penerokaan 8 (12): 4401-4404

Guru kurang memberikan penekanan terhadap makna kalimah dan maksud ayat yang dihafaz. Penekanan terhadap kepentingan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar KBT perlulah dilakukan supaya hasrat dan objektif pertama program ini, iaitu melahirkan modal insan yang menghafaz dan memahami 30 juz al-Quran dapat dicapai sebagaimana yang dirancang. Walaupun terdapat beberapa kajian sebelum ini menfokuskan kepentingan kosa kata dalam pembelajaran bahasa, tumpuan kepada pencapaian hafazan masih lagi kurang diberi penekanan dalam kajian-kajian terkini.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar KBT terhadap kepentingan kosa kata Arab dalam menghafaz al-Quran dan mengenal pasti tahap hafazan pelajar. Selain itu, mengenal pasti perbezaan persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata Arab berdasarkan demografi jantina. Tambahan pula, kajian ini juga bertujuan melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi terhadap kepentingan kosa kata Arab terhadap tahap pencapaian hafazan pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini akan memberikan tumpuan kepada persepsi para pelajar tahfiz tentang kepentingan kosa kata Arab dalam proses hafazan al-Quran dengan menfokuskan empat objektif berikut, iaitu:

1. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata al-Quran dalam menghafaz al-Quran.
2. Mengenal pasti tahap pencapaian hafazan pelajar.
3. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata Arab berdasarkan jantina.
4. Mengenal pasti hubungan signifikan antara persepsi terhadap kepentingan kosa kata Arab dengan pencapaian hafazan pelajar.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian berkaitan kepentingan penguasaan kosa telah dikaji ramai pengkaji dari pelbagai sudut. Antaranya, kajian Jaafar et al. (2019)¹² yang mengkaji tahap penguasaan kosa kata Arab dan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz dan menjelaskan penguasaan pelajar terhadap kosa kata berkait rapat dengan amalan menghafaz dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga menjelaskan penguasaan asas kosa kata Arab dalam kalangan pelajar tahfiz merupakan aspek penting untuk pelajar memahami makna ayat al-Quran bahkan penguasaan kosa kata Arab yang tinggi akan memberi kesan sejauh mana kemampuan hafazan al-Quran mereka. Baharun et al. (2020)¹³ dalam

¹² Jaafar, N., Dzahid, M. Z., Radzi, N. A. A., & Salwai, A.M. (2019), *Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka*, Kuala Lumpur: Jurnal Kesidang, 4(1), hlm.53-62.

¹³ Baharun, H., Abd Rahman, S., Ahmad, H., Saad, N. S. M., & Jamal, I. H. (2020). *Quranic Understanding among Non-Native Speaker of Arabic*, Malaysia: Malaysian Experts' Perspectives. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(2).

kajian mereka berkenaan kefahaman al-Quran dalam kalangan bukan penutur jati bahasa Arab menjelaskan peri pentingnya penguasaan bahasa tersebut sama ada dari sudut kosa kata, sintaksis, morfologi dan sebagainya. Kajian ini juga menjelaskan pengetahuan dalam bahasa Arab perlulah dipertingkatkan untuk memahami maksud ayat al-Quran. Selain itu, kajian literatur juga dibuat terhadap kajian Hussin et al. (2016)¹⁴ yang menjelaskan bahawa proses menghafaz yang disertai dengan kefahaman kosa kata dan makna setiap ayat boleh mendatangkan emosi sejahtera dan motivasi dalaman yang mampu mendorong seseorang pelajar untuk menghafaz secara konsisten tanpa dipaksa. Dapatan ini selari dengan kajian Jafri et al. (2018)¹⁵ yang menjelaskan penghayatan maksud mampu memberikan kesan yang positif kepada pelajar dalam pemahaman, penghayatan serta pengamalan mereka terhadap hafazan al-Quran. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian Hussin et al. (2021)¹⁶ yang menjelaskan salah satu faktor yang dikenal pasti mempunyai hubungan rapat dengan

¹⁴ Hussin, Z., Mustapha, N. F., Che, R. M., Hajimaming, P. T., & Abd Rahim, N. (2016). *Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran*, Kuala Lumpur: Gema Online Journal of Language Studies, 16(2).

¹⁵ Jafri, M. T. M., Saad, M. F. M., Mohamad, S., Thullhuda binti Mat Jafri, M., Faizulamri bin Mohd Saad, M., bin Mohamad, S., Mohamad, S. (2018). *Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz*, Kuala Lumpur: Jurnal Al-Turath, 3(2), hlm. 16–21.

¹⁶ Hussin, Z., Mustapha, N. F., Toklubok, P., Alias, M., & Ismail, M. Z. (2021). *The Importance of the Arabic Language Schemata towards Understanding of the Quran and Memorisation Achievement*, Kuala Lumpur: Malaysian Journal of Learning and Instruction, 18(1), hlm. 265–287.

pencapaian hafazan ialah kefahaman ayat al-Quran. Kajian ini juga menjelaskan bahawa penguasaan kosa kata yang baik membantu pelajar dalam membaca al-Quran bersesuaian dengan makna ayat yang ingin disampaikan. Tambahan pula, kajian oleh Hadiansah (2019)¹⁷ berkaitan kemampuan bahasa Arab terhadap prestasi hafazan al-Quran pelajar madrasah mendapati kemahiran bahasa Arab tersebut mempunyai pengaruh yang besar terhadap kemampuan menghafaz pelajar. Namun, dapatan kajian Ali et al. (2020)¹⁸ tentang model *The Qur'anic Arabic Corpus (QAC)* menjelaskan proses menghafaz al-Quran dapat membantu meningkatkan kreativiti penggunaan bahasa Arab dan pembinaan kosa kata dan kalimah.

Kajian Ismail et al. (2017)¹⁹ pula menegaskan perlunya pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan terutamanya dalam aspek pemahaman ayat untuk meningkatkan kecemerlangan tahap hafazan pelajar. Tambahan pula, kajian Dzulkifli & Solihu

¹⁷ Hadiansah, S. (2019). *Hubungan Kemampuan Bahasa Arab Terhadap Prestasi Menghafal Al-Qur'an Santri Kelas 3 Madrasah Aliyah Tahfidzul Qur'an As Surkati Tahun Ajaran 2017/2018* Jakarta: (Doctoral Dissertation, Iain Salatiga).

¹⁸ Ali, N., Hasanah, M., & Prasetyo, A. (2020). *The Integration of Qur'an and Linguistic Education Based on Ontology of Qur'anic Concept in Quranic Arabic Corpus*. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 3(2).

¹⁹ Ismail, M. J., Mohamad, S., Puji, T. I. Z. T., & Yusof, N. H. (2017). *Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 55.

(2018)²⁰ menjelaskan penggunaan kaedah hafazan al-Quran dapat diaplikasi dalam meningkatkan kemampuan dalam semua bentuk pembelajaran sama ada berkaitan bahasa Arab mahupun subjek lain. Dapatan ini seiring dengan kajian Zakaria et al. (2021)²¹ yang menjelaskan penguasaan hafazan pelajar boleh mempengaruhi dalam meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar. Justeru, kajian Jaafar et al. (2019)²² mencadangkan satu kaedah pembelajaran bahasa Arab berorientasikan al-Quran perlu dibentuk dengan teliti agar pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz dapat dipertingkatkan. Selain itu, dapatan kajian Ismail et al. (2019)²³ berkenaan hafazan al-Quran dan kefahaman bahasa Arab pelajar aliran Qiraat mendapati kemampuan mereka memahami bahasa Arab daripada ayat al-Quran pada tahap tinggi.

²⁰ Dzulkipli, M. A., & Solihu, A. K. H. (2018), *Methods of Qur'ānic Memorisation (Ḥifẓ): Implications for Learning Performance*, Jakarta: Intellectual Discourse, 26(2), hlm. 931–947.

²¹ Zakaria, N. A., Ahmad, T., Awang, S. R., & Safar, A. (2021). *Determination of Huffāz Academic Achievement Using Binary Logistic Regression Model*. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1988, No. 1, p. 012104). IOP Publishing.

²² Jaafar, N., Dzahid, M. Z., Radzi, N. A. A., & Salwai, A.M. (2019), *Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka*, Kuala Lumpur: Jurnal Kesidang, 4(1), hlm.53–62.

²³ Ismail, A., Hassan, N. H., Malek, A. A., & Usman, A. H. (2019). *Memorizing and understanding the qur'an in Arabic language among malaysian students of the al-azhar institute of qiraat shobra, Egypt*, Kuala Lumpur: Humanities and Social Sciences Reviews, 7(4), hlm. 223–228.

Kajian Ramadani dan Baroroh (2020)²⁴ berkenaan dengan pendekatan pembelajaran kosa kata menggariskan beberapa kaedah dalam menguasai kosa kata dimulai dengan mendengar kosa kata, menurulkannya, mendapatkan makna, membaca, menulis dan terakhir memperaktikkannya. Kaedah-kaedah ini semuanya dilaksanakan semasa proses menghafaz al-Quran. Hal ini membantu pelajar memperkukuhkan penguasaan kosa kata seiring peningkatan hafazan ayat al-Quran. Dapatan ini seiring dengan kajian Elmaz (2020)²⁵ yang menjelaskan perihal pembelajaran bahasa Arab di Austria yang menekankan pengukuhan pembelajaran bahasa Arab terlebih dahulu sebelum mewujudkan pembelajaran al-Quran. Pengukuhan terhadap bahasa Arab membantu kefahaman al-Quran bagi pemula yang masih baharu mengenali bahasa Arab dan al-Quran. Selain itu, kajian Moufarrej dan Salameh (2019)²⁶ menilai kesan penggunaan lagu terhadap pengekalan kosa kata Arab dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar asing menyatakan pengekalan kosa kata adalah tinggi dalam kumpulan yang mempraktikan nyanyian dan intonasi

²⁴ Ramadani, F., & Baroroh, R. U. (2020), *Strategi Dan Metode Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab*. Jakarta: Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning, 3(2).

²⁵ Elmaz, O. (2020). *Quranic studies made in Austria: approaching quantitative Arabic linguistics*. Journal of College of Sharia and Islamic Studies.

²⁶ Moufarrej, G., & Salameh, C. (2019). *The Effects of Songs on Vocabulary Retention in Foreign Language Acquisition: The Case of Arabic*. Al-‘Arabiyya: Journal of the American Association of Teachers of Arabic 52, 101–123.

suara. Dapatan ini selari dengan kajian Muhammad (2020)²⁷ yang menyatakan pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara berlagu mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab dan hafazan al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data bagi mengetahui persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata al-Quran. Satu soal selidik yang lengkap terdiri daripada dua konstruk dengan skala Likert 1-5 telah disusun untuk melihat persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata al-Quran dalam proses menghafaz al-Quran dan tahap pencapaian hafazan pelajar. Populasi kajian ini merupakan pelajar tingkatan empat yang mengikuti program KBT di beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia. Para pelajar ini sedang mendalami bidang hafazan al-Quran yang memerlukan mereka menghafaz 30 juz al-Quran secara keseluruhannya. *Hifz al-Quran* merupakan subjek teras dalam program KBT yang meliputi dua bahagian utama iaitu hafazan al-Quran dan kefahaman ayat (*Fiqh al-Ayat*) yang mewajibkan pelajar menghafaz ayat al-Quran dengan memahaminya berdasarkan kefahaman ayat yang dipengaruhi sejauh

²⁷ Muhammad, A. S. (2020). *Qirā'at dan Tarannum Sebagai Medium Baru Dakwah*, Kuala Lumpur Refleksi, 19(2).

mana pelajar itu menguasai kosa kata al-Quran. Responden dipilih daripada pelajar tingkatan empat kerana mereka sesuai untuk dinilai kerana majoriti pelajar ini telah menghafaz 19 juz ke atas. Selain itu, kuantiti hafazan pelajar tingkatan empat adalah lebih baik berbanding dengan pelajar lain disebabkan mereka telah melalui tempoh yang cukup selama empat tahun dalam proses menghafaz al-Quran.

Jumlah sekolah yang terlibat adalah 15 buah sekolah. Populasi ini sangat besar dan memerlukan teknik persampelan yang sesuai mewakili populasi sampel kajian. Bagi memilih sampel kajian, pengkaji menggunakan teknik persampelan kluster mengikut zon. Melalui prosedur persampelan ini, pengkaji dapat mengurangkan ralat persampelan yang bakal berlaku. Langkah pemilihan sampel dimulakan dengan membahagikan kepada lima zon iaitu zon utara, zon selatan, zon timur, zon tengah dan zon Malaysia timur. Seterusnya, persampelan berfokus dilakukan dengan memilih satu sekolah mewakili setiap zon. Jumlah pelajar tingkatan empat mewakili lima buah sekolah adalah 550. Berdasarkan penentuan sampel kajian Krejcie & Morgan (1970)²⁸, bilangan sampel yang diperlukan adalah seramai 226 orang. Namun demikian, pengkaji telah melebihi jumlah sampel kepada 230 orang bagi mengelakkan berlaku sesuatu di luar jangkaan.

²⁸ Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*, London: Educational and Psychological Measurement, 30, hlm. 607-610.

Soal selidik diadaptasi daripada kajian Hussin et al., (2021)²⁹ bagi mendapatkan data berkenaan persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata al-Quran meliputi 15 item. Sementara untuk mendapatkan data berkenaan pencapaian hafazan pelajar soal selidik daripada kajian Jaafar & Hamzah (2020)³⁰ telah diadaptasikan yang terdiri daripada sembilan item. Bagi melihat kesahan soal selidik ini, ia telah dirujuk kepada dua orang yang memiliki kepakaran dalam bidang bahasa Arab dan pendidikan tahfiz. Sementara untuk mendapatkan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ini, kajian rintis telah dijalankan di salah satu sekolah yang melibatkan 30 orang murid. Analisis data yang telah dilakukan bagi mendapatkan nilai Alpha Cronbach menunjukkan ianya mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi dengan nilai Alpha Cronbach 0.93 untuk kedua-dua konstruk.

²⁹ Hussin, Z., Mustapha, N. F., Toklubok, P., Alias, M., & Ismail, M. Z. (2021). *The Importance of the Arabic Language Schemata towards Understanding of the Quran and Memorisation Achievement*, Kuala Lumpur: Malaysian Journal of Learning and Instruction, 18(1), hlm. 265-287.

³⁰ Jaafar, S. N. F., & Hamzah, M. I., (2020). *Hubungan Antara Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz Dan Pencapaian Hafazan Pelajar Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah*, Kuala Lumpur: Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

Analisis Kajian

Seramai 230 responden terlibat dalam kajian ini dengan kadar pulangan adalah 97.8 %. Hal ini melebihi jadual minimum sampel yang diperlukan oleh Krejcie & Morgan (1970). Proses penganalisan data yang didapati dalam kajian ini dibuat berbentuk deskriptif menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Sciences Version 12.0*. Untuk Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratus, min serta sisihan piawai. Jadual interpretasi min tingkah laku afektif yang telah dirumuskan oleh Nunally (1978)³¹ telah digunakan dalam menghurai analisis deskriptif ini. Tambahan pula, teknik analisis data inferensi telah digunakan melalui *Independent-Samples T Test* bagi menguji adakah terdapat perbezaan antara persepsi terhadap kepentingan kosa kata Arab berdasarkan jantina. Tambahan pula, pekali korelasi dengan menggunakan prosedur *Bivariate Correlations* dijalankan bagi melihat kekuatan korelasi antara persepsi terhadap kepentingan kosa kata dan tahap hafazan pelajar. Dalam

³¹ Nunally, J. C. (1978). *Psycometric theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.

konteks kajian ini, model Korelasi Pearson telah digunakan menggunakan skala sela (Davies, 1971)³².

Kepentingan Kosa Kata Arab

Jadual 1 menunjukkan min, sisihan piawai, kebolehpercayaan dan skewness bagi dua konstruk soal selidik kepentingan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar tahfiz dan tahap hafazan pelajar.

Jadual 1: *Tahap Hafazan Pelajar*

Konstruk/ Pembolehubah	Jumlah item	Min	s.p	Reabiliti	Skewness
Kepentingan Kosa Kata Arab	15	4.44	0.48	0.91	1.13
Tahap Hafazan Pelajar	9	4.11	0.63	0.88	1.32

Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi kepentingan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar tahfiz mencatatkan min 4.44 dan sisihan piawai 0.48, berada pada tahap tinggi. Analisis data dilakukan bagi mendapatkan nilai Alpha Cronbach menunjukkan ianya mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi dengan nilai Alpha Cronbach 0.91. Dapatan menunjukkan bahawa 15 item berkenaan kepentingan kosa kata Arab bagi pelajar tahfiz mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi. Item-item yang mendapat

³² Davies, I.I.C. (1971) *The Management of Learning*. London: C. Gain Hill.

interpretasi min pada tahap tinggi ini ialah pengetahuan kosa kata amat membantu ketika proses menghafaz (min=4.67, sp=0.55), item pengetahuan saya dalam kosa kata menguatkan semangat saya untuk menghafaz al-Quran (min=4.46, sp=0.62), item saya seronok menghafaz al-Quran dengan memahami kosa kata (min=4.54, sp=0.62), item pengetahuan kosa kata membantu saya mempercepat tempoh hafazan (min=4.43, sp=0.79), item saya memahami ayat al-Quran apabila menggunakan kosa kata (min=4.40, sp=0.76), item pengetahuan kosa kata memudahkan saya untuk mengingat susunan perkataan dalam sesuatu ayat al-Quran (min=4.40, sp=0.70), item pengetahuan kosa kata memudahkan saya untuk mengingat sebutan perkataan (min=4.47, sp=0.60), item saya yakin hafazan lebih bermakna dengan memahami kosa kata (min=4.70, sp=0.56), item saya yakin kosa kata merupakan ilmu asas untuk memahami al-Quran (min=4.58, sp=0.64) dan item apabila menghafaz sesuatu ayat untuk kali pertama, saya akan menggunakan pengetahuan kosa kata (min=4.17, sp=0.85). Tambahan pula, item saya yakin semua pelajar tahfiz wajib mempelajari kosa kata (min=4.43, sp=0.78), item pengetahuan kosa kata amat membantu ketika mengingat semula ayat yang telah dihafaz (min=4.50, sp=0.69), item saya yakin pengetahuan kosa kata sangat perlu untuk menghafaz al-Quran (min=4.09, sp=0.90), item pengetahuan nahu Arab memudahkan saya menghafaz ayat-ayat yang hampir serupa (*mutashabihat*) (min=4.50, sp=0.72), item pengetahuan kosa kata memudahkan saya menghafaz ayat-ayat yang sukar (min=4.32, sp=0.78).

Tahap Hafazan al-Quran Pelajar

Dapatan kajian memaparkan min keseluruhan bagi tahap hafazan pelajar adalah dengan nilai min 4.11 dan sisihan piawai 0.63, berada pada tahap tinggi. Analisis data dilakukan bagi mendapatkan nilai Alpha Cronbach menunjukkan ia mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Alpha Cronbach 0.88. Dapatan juga menunjukkan bahawa enam item tahap hafazan pelajar tahfiz memperolehi interpretasi min pada tahap tinggi dan tiga item lagi mencapai tahap sederhana tinggi. Item-item yang mencapai interpretasi min pada tahap tinggi ini ialah Saya berjaya *tasmi'* satu muka surat setiap hari (min=4.47, sp=0.70), item Penguasaan hafazan saya semakin bertambah baik (min=4.09, sp=0.94), item Saya sentiasa berusaha menghafaz satu muka surat setiap hari (min=4.28, sp=0.90), item Saya dapat menghafaz dan *tasmi'* lebih satu muka surat setiap hari (min=4.33, sp=0.83), item Saya dapat menyelesaikan tugas hafazan yang diberikan oleh guru dengan baik (min=4.40, sp=0.77), dan item Saya membuat ulang kaji (murajaah) supaya hafazan saya bertambah baik dan kekal (min=4.07, sp=0.79). Selain itu, tiga item yang mendapat tahap sederhana tinggi ialah item Penguasaan bacaan tajwid saya semakin bertambah baik (min=3.41, sp=1.08), item Saya mencari makna setiap ayat atau surah apabila menghafaz (min=4.00, sp=0.92), dan item Saya berusaha memahami maksud setiap ayat al-Quran yang dihafaz (min=3.94, sp=0.85).

Perbezaan Skor Min Persepsi Terhadap Kepentingan Kosakata Arab Berdasarkan Jantina

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min persepsi terhadap kepentingan kosakata Arab berdasarkan demografi jantina

Jadual 2: Ujian-t perbezaan kepentingan kosakata Arab berdasarkan jantina

Jantina	N	Min	s.p	Nilai t	Sig.P
Lelaki	110	4.32	0.47	-3.92	0.000
Perempuan	120	4.56	0.46		

Nota. Signifikan pada aras $p < 0.05$

Hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 2 di atas menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan ($P=0.000$, $p < 0.05$) kepentingan kosakata Arab antara pelajar lelaki (min=4.32, $sp=0.47$) dengan pelajar perempuan (min=4.56, $sp=0.46$); $t(228) = -3.92$, $P=0.000$. Dengan ini $Ho1$ adalah tertolak. Analisis ini juga menjelaskan persepsi terhadap kepentingan kosakata Arab di kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Hubungan Persepsi terhadap Kepentingan Kosakata Arab dengan Tahap Hafazan Pelajar

Analisis data inferensi dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan persepsi pelajar terhadap kepentingan kosakata Arab dan tahap pencapaian hafazan pelajar bagi menjawab persoalan kajian dalam

kajian ini. Teknik Korelasi Pearson menggunakan prosedur *Bivariate Correlations* telah dijalankan bagi membuat analisis inferensi perhubungan.

Ho2 Tidak terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata Arab dan tahap pencapaian hafazan pelajar.

Analisis korelasi Pearson yang telah dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap tinggi ($r=0.602$, $p<0.000$). Oleh itu, Ho_2 adalah ditolak.

PERBINCANGAN

Pengetahuan kosa kata membantu ketika proses menghafaz dalam kalangan pelajar. Pelajar menegaskan bahawa kosa kata sangat membantu mereka mempercepatkan tempoh untuk mereka mengingat sesuatu ayat yang akan dihafaz. Hal ini selari dengan kajian Jaafar et al. (2019)³³ yang menjelaskan kosa kata mempengaruhi sejauh mana hafazan al-Quran pelajar. Pelajar juga lebih bermotivasi untuk meningkatkan hafazan apabila memahami setiap makna kosa kata ayat yang dihafaz. Mereka menjelaskan hafazan lebih bermakna dengan memahami kosa kata seterusnya memberi semangat untuk mereka meningkatkan hafazan. Dapatan ini selari dengan kajian Hussin et al.

³³ Jaafar, N., Dzahid, M. Z., Radzi, N. A. A., & Salwai, A.M. (2019), *Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka*, Kuala Lumpur: Jurnal Kesidang, 4(1), hlm.53-62.

(2016)³⁴. Kefahaman dan penghayatan terhadap kosa kata atau dengan makna lain disebut tadabbur mampu memberikan kesan yang positif kepada pelajar dari sudut pemahaman, penghayatan serta pengamalan terhadap ayat-ayat al-Quran. Hal ini bertepatan sebagaimana yang diutarakan oleh Jafri et al., (2018)³⁵ yang menjelaskan keutamaan amalan tadabbur dalam kalangan pelajar yang menghafaz al-Quran.

Tambahan pula, pelajar sangat komited meningkatkan tahap hafazan mereka. Mereka berjaya *tasmi'* satu muka surat setiap hari bahkan berusaha untuk melebihi satu muka surat al-Quran. Selain itu, mereka berjaya menyelesaikan tugas hafazan yang diberikan oleh guru dengan baik dan sentiasa murajaah hafazan agar ia kekal dan bertambah baik. Walaupun begitu, aspek pengamalan, penguasaan dan pengetahuan kosa kata dalam kalangan pelajar masih lagi berada pada tahap sederhana tinggi. Mencari makna setiap ayat atau surah apabila hendak menghafaz serta berusaha memahami maksud setiap ayat al-Quran yang dihafaz masih lagi kurang diambil berat dalam kalangan pelajar. Selain itu, pelajar juga berjaya menghafaz dan *tasmi'* lebih satu

³⁴ Hussin, Z., Mustapha, N. F., Che, R. M., Hajimaming, P. T., & Abd Rahim, N. (2016). *Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran*, Kuala Lumpur: Gema Online Journal of Language Studies, 16(2).

³⁵ Jafri, M. T. M., Saad, M. F. M., Mohamad, S., Thulhuda binti Mat Jafri, M., Faizulamri bin Mohd Saad, M., bin Mohamad, S., Mohamad, S. (2018). *Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz*, Kuala Lumpur: Jurnal Al-Turath, 3(2), hlm. 16–21.

muka surat setiap hari. Kepadatan jadual pelajar TMUA meliputi pembelajaran akademik dan tahfiz tidak mengganggu usaha mereka untuk cemerlang dalam bidang hafazan. Pelajar berjaya meningkatkan pencapaian hafazan mereka dengan melebihi *tasmi'* ayat hafazan harian mereka. Penggabungan antara subjek akademik dan hafazan tidak menjejaskan kecemerlangan pelajar. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian Jaafar et al., (2019)³⁶ yang menjelaskan pelajar tahfiz mampu mempelajari dengan baik walaupun di samping itu mereka terlibat dengan pengajian hafazan al-Quran dalam pengajian harian mereka.

Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi terhadap kepentingan kosa kata Arab antara pelajar perempuan dengan pelajar lelaki. Pelajar perempuan memiliki pandangan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Hal ini, menunjukkan bahawa keyakinan dan pengamalan kosa kata dalam menghafaz dalam kalangan pelajar perempuan lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Tambahan pula, terdapat juga hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap kepentingan kosa kata Arab dan tahap pencapaian hafazan pelajar. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Jaafar et al.

³⁶ Jaafar, N., Dzahid, M. Z., Radzi, N. A. A., & Salwai, A.M. (2019), *Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka*, Kuala Lumpur: Jurnal Kesidang, 4(1), hlm.53-62.

(2019)³⁷ yang menjelaskan penguasaan kosa kata mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian hafazan al-Quran pelajar. Selaras dengan itu, dapatan oleh pengkaji terdahulu yang dijalankan oleh Muh. Haris (2018)³⁸ menjelaskan terdapat hubungan yang positif antara kemampuan bahasa Arab dan prestasi hafazan al-Quran. Pelajar yang menguasai bahasa Arab dengan baik mampu meningkatkan prestasi hafazan mereka. Keadaan ini menjelaskan penguasaan kosa kata Arab amat penting dalam meningkatkan tahap dan prestasi hafazan pelajar. Penguasaan kosa kata perlulah diberi penekanan kepada pelajar dalam proses mereka menghafaz.

RUMUSAN

Kajian ini menunjukkan kepentingan kosa kata Arab dalam proses menghafaz ayat al-Quran dan ia mempunyai hubungan yang kuat dengan tahap hafazan pelajar. Majoriti responden bersetuju kepentingan kosa kata ketika menghafaz dapat membantu mereka memudahkan proses untuk mengingat. Oleh itu, pendekatan yang memfokuskan kepada penguasaan kosa kata Arab perlulah

³⁷ Jaafar, N., Dzahid, M. Z., Radzi, N. A. A., & Salwai, A.M. (2019), *Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka*, Kuala Lumpur: Jurnal Kesidang, 4(1), hlm.53-62.

³⁸ Muh. Haris Z. (2018). *Hubungan Kemampuan Bahasa Arab Dengan Prestasi Hafalan Al Quran*. Jakarta: Jurnal Al Mi'yar Vol. 1, No. 2

dititikberatkan oleh semua pihak sama ada pelajar, guru, pentadbir dan sebagainya perlu diberi perhatian dalam meningkatkan penguasaan hafazan pelajar. Penguasaan kosa kata boleh diketengahkan sebagai salah satu pendekatan dan strategi penting untuk meningkatkan prestasi pelajar. Kajian ini hanya menfokuskan terhadap kepentingan kosa Arab terhadap hafazan al-Quran sahaja, namun ia diharapkan boleh dikembangkan lagi kepada beberapa aspek dan sudut dimensi lain untuk kajian masa hadapan bagi menambah maklumat dalam bidang ini.

Bibliografi

- Ali, N., Hasanah, M., & Prasetyo, A. (2020). The Integration of Qur'an and Linguistic Education Based on Ontology of Qur'anic Concept in Quranic Arabic Corpus. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 3(2).
- Baharun, H., Abd Rahman, S., Ahmad, H., Saad, N. S. M., & Jamal, I. H. (2020). Quranic Understanding among Non-Native Speaker of Arabic: Malaysian Experts' Perspectives. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(2).
- Davies, I.I.C. (1971) *The Management of Learning*. London: C. Gain Hill.
- Dzul kifli, M. A., & Solihu, A. K. H. (2018). Methods of Qur'anic Memorisation (Ḥifz): Implications for Learning Performance. *Intellectual Discourse*, 26(2), 931-947.
- Elmaz, O. (2020). Quranic studies made in Austria: approaching quantitative Arabic linguistics. *Journal of College of Sharia and Islamic Studies*.
- Hadiansah, S. (2019). *Hubungan Kemampuan Bahasa Arab Terhadap Prestasi Menghafal Al-Qur'an Santri Kelas 3 Madrasah Aliyah Tahfidzul Qur'an As Surkati Tahun Ajaran 2017/2018* (Doctoral Dissertation, Iain Salatiga).
- Haron, M.Z., Othman, M.K., & Awang, M.I., 2019. *Bahan Bantu Mengajar Berbantuan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Bukti Dari Model Malaysia TMUA*. *Jurnal Antarabangsa Teknologi Inovatif Kejuruteraan Penerokaan* 8 (12): 4401-4404
- Hussin, Z., Mustapha, N. F., Che, R. M., Hajimaming, P. T., & Abd Rahim, N. (2016). Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran. *Gema Online Journal of Language Studies*, 16(2).

- Hussin, Z., Mustapha, N. F., Toklubok, P., Alias, M., & Ismail, M. Z. (2021). The Importance of the Arabic Language Schemata towards Understanding of the Quran and Memorisation Achievement. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(1), 265-287.
- Ismail, A., Hassan, N. H., Malek, A. A., & Usman, A. H. (2019). Memorizing and understanding the Qur'an in Arabic language among Malaysian students of the al-Azhar Institute of Qiraat Shobra, Egypt. *Humanities and Social Sciences Reviews*, 7(4), 223–228. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7428>
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Puji, T. I. Z. T., & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 55.
- Jaafar, N., Dzahid, M. Z., Radzi, N. A. A., & Salwai, A.M. (2019). Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosakata Arab Dan Tata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 53-62.
- Jaafar, S. N. F., & Hamzah, M. I., (2020). Hubungan Antara Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz Dan Pencapaian Hafazan Pelajar Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)*
- Jafri, M. T. M., Saad, M. F. M., Mohamad, S., Thulhuda binti Mat Jafri, M., Faizulamri bin Mohd Saad, M., bin Mohamad, S., Mohamad, S. (2018). Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz The Priority of Tadabbur Practices towards Tahfiz Student. *Jurnal Al-Turath*, 3(2), 16–21. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jalturath>
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610

- Moufarrej, G., & Salameh, C. (2019). The Effects of Songs on Vocabulary Retention in Foreign Language Acquisition: The Case of Arabic. *Al-'Arabiyya: Journal of the American Association of Teachers of Arabic* 52, 101-123. <https://www.muse.jhu.edu/article/747378>.
- Muh. Haris Z. 2018. *Hubungan Kemampuan Bahasa Arab Dengan Prestasi Hafalan Al Quran*. Jurnal Al Mi'yar Vol. 1, No. 2 Oktober 2018
- Muhammad, A. S. (2020). Qirā'at dan Tarannum Sebagai Medium Baru Dakwah. *Refleksi*, 19(2).
- Nunally, J. C. (1978). *Psychometric theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Ramadani, F., & Baroroh, R. U. (2020). Strategies and Methods of Learning Arabic Vocabulary/Strategi Dan Metode Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 3(2).
- Yasim, I. M. M., Lubis, M. A., Noor, Z. A. M., & Sjahrony, A. (2017). Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam And Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 1(1), 14-24.
- Zakaria, N. A., Ahmad, T., Awang, S. R., & Safar, A. (2021, July). Determination of Huffaz Academic Achievement Using Binary Logistic Regression Model. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1988, No. 1, p. 012104). IOP Publishing.